

AeU penuhi permintaan pasaran ICT

» Tawar program lebih fleksibel, penuhi keperluan dunia kerjaya

Bagi meneruskan pemantauan dalam pembangunan tenaga kerja khususnya bidang teknologi, Asia e University (AeU) terus membangunkan beberapa program akademik berteraskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau ICT yang menjurus kepada kehendak globalisasi. AeU beriltizam memberi peluang kepada mereka yang sudah bekerja dengan pengetahuan berkaitan industri dan kemahiran teknikal terutama dalam bidang ICT. Sesiapa saja yang berminat dengan ICT boleh meneruskan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana di AeU yang membekalkan pembelajaran teknikal seperti sistem maklumat, kejuruteraan perisian, rangkaian komputer dan multimedia perkomputeran.

Tiga program ICT di AeU

Di AeU, Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi menawarkan tiga program Sarjana Muda iaitu Sarjana Muda Teknologi Maklumat & Komunikasi, Sarjana Muda Digital Media Kreatif dan Sarjana Muda Teknologi (Teknologi Maklumat) yang memfokus kepada kefahaman asas dan prinsip tentang sains komputer serta senario semasa industri ICT. Sementara pada peringkat Sarjana, terdapat program Sarjana Pengurusan Teknologi Maklumat & Komunikasi yang lebih menjurus kepada kaedah dan aplikasi pengurusan ICT. Program-program tersebut telah direka khas untuk melengkapkan pelajar dengan konsep teori dan analisis yang menyediakan mereka untuk mengharungi cabaran serta kompleksiti dunia teknologi maklumat yang dinamik dan bersifat global.

Kursus ditawarkan dibentuk dengan kerjasama pakar dalam bidang berkaitan dan mereka dalam industri, pelajar akan memperoleh kemahiran yang tinggi dan pengetahuan teknikal melebihi pengalaman mereka. Pelajar boleh mengambil pelbagai kursus utama berkaitan pekerjaan mereka serta kursus elektif sama ada berkaitan teknikal atau pengurusan. Ini bermakna pelajar juga memperolehi kemahiran bukan teknikal seperti ke-

pimpinan, komunikasi dan pengurusan perniagaan. Perkongsian idea dan pandangan daripada rakan sekelas yang bekerja dalam industri yang sama dapat memberikan kesan optimum dalam pembelajaran serta kelebihan berbanding dengan rakan sekerja mereka.

AeU menerapkan pendekatan terkini dalam program ICTnya seperti projek berorientasikan praktikal atau *project based learning* serta pembelajaran berasaskan kerja atau *work-based learning* yang memberi peluang kepada pelajar membuat tugas berdasarkan tanggungjawab kerja semasa yang berkaitan ICT di syarikat di mana mereka bekerja.

"Kami telah memperkenalkan kaedah pembelajaran berasaskan kerja (*work-based learning*) dalam program ICT bagi menghubungkan pelajar dengan kerja semasa mereka supaya program yang dipelajari akan relevan dan mempersiapkan mereka dengan isu serta cabaran yang berkaitan dengan mereka di tempat kerja" kata Dekan Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (SICT), AeU, Prof Dr Syed Malek Fakar Duani.

AeU mengaplikasikan mod Pembelajaran Teradun menerusi tiga metodologi iaitu Pembelajaran Kendiri, Pembelajaran Langsung Dalam Talian dan Pengajian Bersemuka supaya pelajar dapat belajar dengan lebih efektif. Laman sesawang khas yang diberi nama *Personalised Learning Space* (PLS) membolehkan pelajar mengakses dan memuat-naik material pembelajaran lebih awal bila-bila masa di mana saja berada mengikut jadual mereka.

Tambahan kepada program akademiknya, SICT menawarkan pelbagai program eksekutif secara perkongsian strategik dalam bidang teknologi maklumat seperti Teknologi Komputer, Teknologi Pemasaran Internet, Pembangunan Perisian, Open Source Computing, Open Source ERP serta Pengurusan Proses Perniagaan.

Sistem Pengajian Fleksibel di AeU

Program ICT di AeU ditawarkan melalui sistem pengajian jarak jauh fleksibel di mana golongan profesional boleh mengikutinya tanpa perlu berhenti kerja. Ia juga peluang untuk seseorang itu meningkatkan kerjayanya seterusnya mendalami serta menghusus kepada bidang ICT yang



Pelajar program Sarjana Muda Teknologi Maklumat & Komunikasi, Annur Hadi masih mempunyai masa berkualiti bersama keluarga walaupun sibuk bekerja dan belajar.

diminati. Begitu juga dengan mereka yang bekerja dalam industri ICT kerana bilangan graduan bidang ini yang meningkat setiap tahun. Sistem ODL yang mudah dan fleksibel membolehkan pelajar merancang pengajian. Tidak seperti pengajian universiti konvensional, pelajar AeU tidak menghadapi tekanan untuk menamatkan pengajian dalam tempoh masa yang ditetapkan sebaliknya mereka digalakkan agar mencapai keseimbangan dalam kerjaya, pelajaran dan kehidupan peribadi.

Secara kebiasaannya pelajar perlu memiliki kelayakan diploma atau ijazah sarjana muda mahupun kelayakan setaraf atau daripada organisasi yang diiktiraf

“Di antara kesibukan membuat tugas dan menghadiri tutorial, saya masih ada banyak masa bersama keluarga. Program AeU yang fleksibel amat sesuai untuk golongan dewasa yang berkeluarga untuk sambung belajar sambil bekerja”

Annur Hadi Hashim,
Pelajar program Sarjana Muda Teknologi Maklumat & Komunikasi yang bertugas sebagai Eksekutif di sebuah agensi kerajaan

untuk memohon program sarjana atau sarjana muda. Namun, AeU memberi peluang kedua kepada pelajar yang tidak memiliki pendidikan formal yang sedemikian tetapi mempunyai pengalaman bekerja yang berkaitan.

Sistem Kemasukan Terbuka dikehendaki kepada golongan berkecambah dengan mempertimbangkan pengalaman bertugas di dalam bidang yang relevan. Mekanisme seumpama ini menyediakan peluang kedua kepada golongan dewasa yang tidak mampu melanjutkan pelajaran ke Universiti atas kekangan kehidupan seperti kesempitan kewangan, tahap pencapaian akademik yang tidak memenuhi kriteria universiti atau faktor lain. AeU menyediakan pelbagai insentif kewangan untuk membantu meringankan beban pelajar seperti Biasiswa Kecemerlangan AeU bagi pelajar cemerlang setiap semester, 10 peratus diskaun dalam Skim Kesetiaan Pelajar dan 10 peratus diskaun bagi setiap pembayaran penuh yuran pengajian setiap semester. Pinjaman pembiayaan juga boleh dimohon daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) atau melalui pemotongan tabungan KWSP.

Peluang Kerjaya Industri ICT

Kerjaya dalam bidang ICT meliputi pegawai sistem maklumat, pensyarah dan guru ICT, pengaturcara komputer, juru analisa komputer, pentadbir rangkaian, juru analisa sistem, artis animasi, pakar runding ICT, pakar grafik dan multimedia serta pegawai pengkalan data. Bagi lepasan sarjana pula graduan berpeluang menaiktaraf jawatan di peringkat pengurusan ICT seperti Pengurus ICT, Pengarah ICT, Ketua Pegawai Teknologi (CTO) serta Ketua Pegawai Maklumat (CIO).

"Program ICT di AeU menye-

diakan ilmu praktikal yang saya perlukan untuk berjaya dalam karier yang saya minati. Interaksi di antara saya dan rakan sekelas serta Fasilitator Akademik memberikan pengetahuan mendalam dan terkini dalam industri ICT tempatan dan antarabangsa

"Di antara kesibukan membuat tugas dan menghadiri tutorial, saya masih ada banyak masa bersama keluarga. Program AeU yang fleksibel amat sesuai untuk golongan dewasa yang berkeluarga untuk sambung belajar sambil bekerja," kata Annur Hadi Hashim, pelajar program Sarjana Muda Teknologi Maklumat & Komunikasi yang bertugas sebagai Eksekutif di sebuah agensi kerajaan.

AeU bertaraf antarabangsa

AeU adalah sebuah universiti bertaraf antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 2007 melalui sokongan 33 negara anggota Dialog Kerjasama Asia (Asia Cooperative Dialogue). Sebagai Universiti pencetus e-pendidikan di Asia, AeU menawarkan program berkualiti, relevan dan bersifat semasa. Kesemua program akademik ditawarkan diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) di bawah Kementerian Pengajian Malaysia.

Terdapat banyak lokasi pembelajaran tempatan di bandar utama seluruh negara termasuk di luar bandar seperti pedalaman Sabah dan Sarawak. Lokasi pembelajaran tempatan ini memberi keselesaan kepada pelajar menghadiri sesi tutorial sementara meneruskan kerjaya mereka seperti biasa.

Pengambilan September 2014 kini dibuka. Pendaftaran boleh dilakukan secara pendaftaran atas talian (Online Application) di www.aeu.edu.my. Anda juga boleh menghubungi kami di talian bebas tol 1 300 300 238.